



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 24 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	TIGA JAWATAN UTAMA PANEL TRIBUNAL ANTIGANGGUAN SEKSUAL SUDAH DILANTIK - NANCY SHUKRI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-jawatan-utama-panel-tribunal-antigangguan-seksual-sudah-dilantik-nancy-shukri-455218	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1053327/syafeera-terajui-tribunal-anti-gangguan-seksual	HMETRO.COM.MY
	https://thesun.my/cerita/berita/tiga-jawatan-utama-panel-tribunal-antigangguan-seksual-sudah-dilantik-nancy-shukri-FC12017398	THESUN.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1203721/hakim-mahkamah-sesyen-klang-syafeera-mohd-said-terajui-tribunal-anti	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2264849	BERNAMA.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/645832/berita/nasional/tiga-jawatan-utama-panel-tribunal-antigangguan-seksual-sudah-dilantik	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/23/hakim-mahkamah-sesyen-klang-dilantik-presiden-tribunal-anti-gangguan-seksual/	TVSARAWAK.MY
	https://selangorjournal.my/2024/01/key-members-of-anti-sexual-harassment-tribunal-commence-duties-nancy-shukri/	SELANGORJOURNAL.MY
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2264867	BERNAMA.COM
	https://suarasarawak.my/wakil-dari-sabah-sarawak-bakal-dilantik-anggota-panel-tribunal-anti-gangguan-seksual/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/23/tiga-jawatan-utama-panel-tribunal-antigangguan-seksual-sudah-dilantik-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=KdsK07Gkph8	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/syafeera-mohd-said-dilantik-presiden-tribunal-anti-gangguan-seksual-x8rpefx	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	NANCY: SPREADING AWARENESS OF SEXUAL HARASSMENT AMONG STUDENTS THROUGH TALKS	
	https://www.theborneopost.com/2024/01/23/nancy-spreading-awareness-of-sexual-harassment-among-students-through-talks/	THEBORNEOPOST.COM
	https://suarasarawak.my/lapor-kes-gangguan-seksual-di-sekolah/	SUARASARAWAK.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	146 PELAJAR SK TANJUNG BAKO TERIMA PERALATAN SEKOLAH	
	https://suarasarawak.my/146-pelajar-sk-tanjung-bako-terima-peralatan-sekolah/	SUARASARAWAK.MY
	https://sarawaknews.com/pelajar-sk-tanjong-bako-terima-kelengkapan-sekolah/	SARAWAKNEWS.COM
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/23/sk-tanjong-bako-daif-tidak-selamat-perlukan-tapak-tanah-baharu-nancy/	TVSARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	GALAK WAKIL RAKYAT TERLIBAT LANGSUNG DALAM MENINGKATKAN KUALITI SEKOLAH LUAR BANDAR	
	https://sarawaknews.com/galak-wakil-rakyat-terlibat-langsung-dalam-meningkatkan-kualiti-sekolah-luar-bandar/	SARAWAKNEWS.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	USAHA BAWA PULANG RAKYAT SARAWAK TERKANDAS DI MANILA TERUS DIPERGIAT	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/23/usaha-bawa-pulang-rakyat-sarawak-terkandas-di-manila-terus-dipergiat	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=2G4fgdx44eQ	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=y4cwUqfoK3U	YOUTUBE
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/23/usaha-bawa-pulang-rakyat-sarawak-terkandas-di-filipina-dipergiat-nancy/	TVSARAWAK.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/efforts-ongoing-to-bring-back-family-stranded-in-manila/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://sarawaknews.com/rakyat-sarawak-terkandas-di-filipina-sejak-2019-urusan-kini-hanya-menunggu-kos-tinggal-lebih-masa/	SARAWAKNEWS.COM
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kerajaan-dalam-proses-bawa-pulang-dewi-farisya-dan-anak-dari-filipina-x8rpjw0	ASTROAWANI.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	NASIB SUAMI ISTERI DIUJI KESIHATAN DAPAT PERHATIAN PM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1053270/nasib-suami-isteri-diuji-kesihatan-dapat-perhatian-pm	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nasib-suami-isteri-sakit-dapat-perhatian-perdana-menteri-455157	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1203574/isteri-terlantar-suami-uzur-dapat-perhatian-perdana-menteri	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	BOMBA HANTAR 3,937 KG BEKALAN MAKANAN KEPADA MANGSA BANJIR DI TATAU	
	https://suarasarawak.my/bomba-hantar-3937-kg-bekalan-makanan-kepada-mangsa-banjir-di-tatau/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PENGANGGUR PAKISTAN MENGAKU BERSALAH ROGOL WANITA ATAS JEJANTAS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1053335/penganggur-pakistan-mengaku-bersalah-rogol-wanita-atas-jejantas	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-pakistan-mengaku-rompak-rogol-wanita-di-jejantas-ktmb-455227	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/645852/berita/semasa/warga-pakistan-mengaku-rompak-rogol-wanita-di-jejantas-ktmb	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/23/warga-pakistan-mengaku-salah-rogol-rompak-wanita-atas-jejantas/	KOSMO.COM.MY
	https://selangorkini.my/2024/01/lelaki-warga-pakistan-mengaku-salah-rogol-rompak-wanita-di-jejantas-ktm-serdang/	SELANGORKINI.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=w1gAMH_kxWM	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/lelaki-pakistan-didakwa-rogol-rompak-wanita-di-stesen-ktmb-serdang/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my


f t @ kpwkm

24/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	KENYITAN MATA ANTARA GANGGUAN SEKSUAL DALAM KALANGAN PEGUAM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/23/kenyitan-mata-antara-gangguan-seksual-dalam-kalangan-peguam/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/01/23/no-joke-even-a-wink-is-sexual-harassment-among-lawyers/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/01/1004603/winking-wolf-whistling-officially-limits-sexual-harassment-among	NST.COM.MY
	https://www.dailyexpress.com.my/news/227488/winking-wolf-whistling-head-petting-are-sexual-harassment-among-lawyers/	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	PAK TAM DITUDUH CABUL BUDAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1053303/pak-tam-dituduh-cabul-budak	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	BAPA AMANG SEKSUAL ANAK KANDUNG DIPENJARA DAN DISEBAT	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/23/bapa-amang-seksual-anak-kandung-dipenjara-dan-disebat	UTUSANBORNEO.COM.MY



Tiga jawatan utama panel Tribunal Antigangguan Seksual sudah dilantik - Nancy Shukri

Bernama

Januari 23, 2024 15:47 MYT



Nancy bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan pada program Back to School di Sekolah Kebangsaan Tanjung Bako hari ini. - Foto Bernama

KUCHING: Tiga anggota panel Tribunal Antigangguan Seksual kini sudah dilantik serta memulakan tugas sejak Disember lepas.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata lantikan itu melibatkan tiga jawatan utama iaitu Presiden, Timbalan Presiden dan Setiausaha.

"Mereka yang dilantik ini (anggota panel) adalah orang yang berpengalaman serta cekap dalam mengendalikan kes gangguan seksual.

"Memandangkan bangunan pejabat masih dalam proses ubah suai, perkhidmatan perlu disegerakan dan kita (kementerian) memberikan ruang pejabat sementara di bangunan kementerian di Putrajaya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Kembali ke Sekolah di Kampung Tanjung Bako di sini, hari ini.

Nancy berkata dua anggota panel yang akan dilantik kelak adalah masing-masing dari Sabah dan Sarawak bagi memudahkan pengurusan kes di kedua-dua buah negeri itu.

"Saya secara peribadi meminta seorang wakil dari Sabah dan Sarawak untuk mewakili kedua-dua negeri ini, Jabatan Peguam Negara akan memilih orang yang layak dan sesuai untuk memegang jawatan itu," katanya.

Pada 10 Oktober lepas, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meluluskan perjawatan bagi penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual.

Penubuhan tribunal itu bertujuan untuk menyediakan platform alternatif bagi menambah baik sistem perundangan dan pengendalian aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dengan kos minimum.



| Nancy: Spreading awareness of sexual harassment among students through talks

BY SAM CHUA ON JANUARY 23, 2024, TUESDAY AT 6:23 PM

SARAWAK



Nancy speaking to the press after officiating at a 'Back to School' programme held at a community hall in Kampung Tanjong Bako. — Photo by Roystein Emmor

KUCHING (Jan 23): Talks related to sexual harassment are being held in schools to spread awareness among students of inappropriate behaviours, said federal Women, Family and Community Development Minister Dato Sri Nancy Shukri.

She said she was aware of several sexual harassment cases involving student victims happening in Sarawak and she believed many more such cases had gone unreported.

"In reality, the perpetrators in many of these sexual harassment cases are members of the student's own family and the victims did not know how to seek help," she said to reporters after officiating at a 'Back to School' programme held at a community hall in Kampung Tanjong Bako here yesterday.

Bearing this in mind, the Santubong Member of Parliament said her ministry in collaboration with several organisations is organising sexual harassment talks in 21 schools located in her constituency.


Commenting on the recent setting up of a tribunal for anti-sexual harassment, Nancy said the body has been operational since the end of last year and the tribunal is temporarily conducting its proceedings at the ministry's office at Putrajaya, while the main building is under renovation.

"I must say the tribunal offers an alternative for victims of sexual harassment to seek compensation for the ordeal that they experienced. Before this, such cases were handled as criminal cases under the Sexual Offences Act," she said, pointing out sexual harassment will now be treated as a civil case before the tribunal.

In this regard, she added, the relevant officers are now undergoing training and upskilling to manage sexual harassment cases.

Nancy also said she had personally requested for one panellist each to be appointed from Sabah and Sarawak when conducting proceedings to ease the management of cases involving the interests of the Borneo states.

On a separate matter, Nancy said she was working with Deputy Prime Minister Dato Sri Fadillah Yusof on the return of a Sarawakian and her two children from the Philippines, where the mother's passport was withheld by the immigration authority after she failed to pay the penalty for overstaying in the country.



146 pelajar SK Tanjung Bako terima peralatan sekolah

📍 Siti Nurain Ratani 📍 SARAWAK, UTAMA 📅 23 Januari 2024



SUMBANGAN... Nancy menyempurnakan penyerahan sumbangan peralatan sekolah secara simbolik kepada salah seorang penerima dari SK Tanjung Bako sempena Program Back To School di Dewan Kampung Tanjung Bako, di sini, hari ini. GHAZALI BUJANG

KOTA SAMARAHAN: Seramai 146 pelajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Bako dekat sini, menerima kelengkapan peralatan persekolahan pada Program Sumbangan Back To School di bawah Parlimen Santubong.

Program tersebut juga merupakan anjuran Parlimen Santubong dengan kerjasama Yayasan Sime Darby, Rotary Club Kuching Central dan Yayasan Kebajikan Negara.



RAKAMAN KENANGAN... Nancy dan tetamu kehormat yang lain merakam gambar kenangan bersama-sama pelajar dari SK Tanjung Bako yang menerima sumbangan. GHAZALI BUJANG

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia merupakan salah satu program kolaborasi pihaknya dengan badan bukan kerajaan (NGO).

"Antara peralatan sekolah yang disumbangkan termasuk alat tulis, beg, baju sekolah, stoking, dan kasut sekolah. Ia juga dapat membantu meringankan beban keluarga para pelajar kita serta meningkatkan motivasi mereka.

"Melalui program ini, kita telah berjaya membantu 146 pelajar di SK Tanjung Bako, dan banyak lagi di sekolah-sekolah lain di kawasan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Program Back To School di Dewan Kampung Tanjung Bako, di sini, hari ini.

Dalam hal berkaitan, tambahnya, program tersebut juga secara keseluruhan melibatkan sejumlah 21 buah sekolah di bawah Parlimen Santubong.

Hadir sama, Setiausaha Politik Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kanak-kanak Mohammed Kamaluddin Mohd Effendi; Ketua Pegawai Kewangan dan Pentadbiran Yayasan Sime Darby Santha Kumari Panchan; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara Nordina Haron; Presiden Rotary Club Kuching Central Calvin Chong; serta wakil yang lain.



TEMPATAN

Galak wakil rakyat terlibat langsung dalam meningkatkan kualiti sekolah luar bandar

BY ADMIN SN JANUARY 23, 2024 0 COMMENTS 10 VIEWS

KUCHING: Ahli Parlimen Santubong Dato Sri Nancy Shukri menekankan pentingnya wakil rakyat untuk secara langsung melibatkan diri dalam peningkatan kualiti sekolah, terutama di kawasan luar bandar yang masih menghadapi kekurangan.

Beliau menegaskan bahawa peranan sebagai wakil rakyat bukan sekadar memberi janji, tetapi melibatkan diri secara langsung untuk memastikan keperluan sekolah dipenuhi.

"Saya suka turun padang ke sekolah untuk melihat kekurangan dan mencari penambahbaikan, terutama di sekolah luar bandar yang masih banyak yang memerlukan bantuan.

"Kita tidak mahu kami (kerajaan) hanya bercakap membantu sekolah daif tetapi adalah menjadi tanggungjawab kami sebagai Ahli Parlimen untuk melihat sendiri dan dapat menyuarakan sendiri kepada Menteri yang bertanggungjawab supaya dapat boleh disegerakan segala yang perlu dilakukan di setiap sekolah daif ini," katanya.


Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyerahkan sumbangan kepada para pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjong Bako dalam Program 'Back To School' Tanjong Bako 2024 hari ini.

Nancy menyuarakan kebimbangan terhadap keadaan sekolah di luar bandar sekaligus menyatakan keinginannya untuk secara langsung memahami kekurangan dan menyumbangkan perubahan positif.

Justeru katanya, SK Tanjong Bako adalah antara contoh yang terbaik untuk meningkatkan bukan sahaja dari segi menambah baik.

"Dalam hal ini saya difahamkan mereka telah memohon tanah untuk memindahkan sekolah ke tempat lain.

"Keadaan mereka di situ yang sedia ada dimasuki air dan bangunan sekolah ada yang langsung tidak dapat diduduki menunjukkan keperluan mendesak untuk perubahan," ujarnya.



Usaha bawa pulang rakyat Sarawak terkandas di Manila terus dipergiat

© 2024-01-23T17:33:28+08:00



Nancy ketika ditemui media selepas melancarkan Program Back to School SK Tanjong Bako di Dewan Serba Guna Kampung Tanjong Bako hari ini. - Gambar Roystein Emmor

KOTA SAMARAHAN: Usaha membawa pulang rakyat Sarawak, Dewi Farisha Fazliman berserta dua anaknya yang dilaporkan terkandas di Manila, Filipina sejak Mei 2019 terus dipergiatkan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kementeriannya telah bekerjasama rapat dengan Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan kebanyakan perkara telah disusun atur.

"Jadi yang sekarang ini cuma menunggu (penentuan) kos kerana kes ini melibatkan isu tinggal lebih masa.

"Sebab dia pergi ke sana dia tinggal lebih masa, maka kos penalti perlu dikira dan setakat hari ini, saya belum terima (jumlah kos) lagi,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Program Back to School Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjong Bako di Dewan Serba Guna Kampung Tanjong Bako di sini, hari ini.

Nancy berkata, pegawai Jabatan Perdana Menteri sentiasa memberikan kerjasama dan maklumat terkini kepada beliau.

"Semua butiran telah dilakukan dengan banyak bantuan," katanya.

Menurutnya, aspek undang-undang berkaitan kos tinggal lebih masa perlu diberi perhatian khusus untuk menyelesaikan isu tersebut.


"Kita perlu memastikan bagaimana untuk mengendalikan kos overstay (isu tinggal lebih masa) ini mengikut undang-undang sedia ada.

"Ini adalah aspek yang perlu kita ambil tindakan bagi menyelesaikan hal ini dengan adil dan selaras dengan undang-undang," ujarnya.

Sebelum ini media melaporkan sebuah pasukan telah dikerahkan bagi menjalankan siasatan berhubung isu terbabit.

Pada 16 Januari lalu, ibu mangsa Sheryl Balisia Cabrera mendakwa anaknya, Dewi Farisha, 25 tahun dan dua cucunya terkandas di Manila, Filipina sejak 2019.

Lebih merisaukan Sheryl Balisia, passport anaknya juga akan tamat tempoh pada bulan depan selain terpaksa mengirim wang setiap dua hari untuk menanggung kos hidup anak dan cucu-cucunya yang kini tinggal di negara itu.



Nasib suami isteri diuji kesihatan dapat perhatian PM

BERNAMA



Setiasaha Politik kepada Menteri Kewangan, Kamil Munim bertanya khabar kepada pesakit angin ahmar, Arman Othman, 49 ketika mengadakan lawatan Ziarah Madani di Taman Ria Mesra II di sini, petang semalam. FOTO BERNAMA

Gurun: Nasib lima sekeluarga yang tular di media sosial, baru-baru ini selepas ibu bapa yang menjadi tulang belakang keluarga itu diuji dengan masalah kesihatan, mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiasaha Politiknya Kamil Munim berkata, ketua keluarga terbabit Arman Othman, 49, menghidap penyakit angin ahmar, manakala isterinya Mazliana Jamaluddin, 39, pula diuji dengan ketumbuhan di kepala dan kini terlantar.

"Dalam sesi lawatan kerja saya ke Kedah, selain dua keluarga lain, saya turut menziarahi keluarga Puan Mazliana dan menyampaikan sumbangan daripada Perdana Menteri melalui ICU (Pejabat Pembangunan Persekutuan) peringkat negeri.

"Saya turut dimaklumkan beliau menerima bantuan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bagaimanapun, kita akan lihat bentuk bantuan lain yang boleh disalurkan bagi membantu keluarga ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Ziarah Madani di rumah keluarga berkenaan di Taman Ria Mesra II, dekat sini, petang semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Sungai Petani Dr Mohammed Taufik Johari.

Kamil berkata, kehidupan pasangan itu sukar kerana anak sulung mereka daripada tiga beradik adalah orang kurang upaya (OKU) sejak kecil, namun pemimpin dan masyarakat setempat sentiasa memberikan perhatian terhadap keluarga itu.

Dalam pada itu, Mohammed Taufik berkata, pejabat Parlimen Sungai Petani akan bekerjasama dengan agensi berkaitan khususnya ICU bagi memantau keluarga terbabit.

Sementara itu, pasangan terbabit menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas sumbangan serta bantuan Perdana Menteri dan semua pihak.

Arman berkata, dia amat terkejut apabila dimaklumkan wakil Perdana Menteri berhasrat menziarahi mereka sekeluarga dan menyampaikan sumbangan.


"Saya rasa terharu, gembira dan berterima kasih atas keprihatinan dan sumbangan yang diberikan," katanya.

Bernama dimaklumkan Mazliana kini tinggal di rumah adik bongsunya, Norlela, 30, yang terletak berhampiran bagi memudahkan ahli keluarga lain untuk menguruskannya.

Norlela berkata, abang iparnya masih tinggal di rumah sendiri bersama anak sulung, Aiman Irfan, 20, manakala Mazliana serta dua lagi anaknya, Aiman Ikhwan, 15, dan Aina Najwa, 10, tinggal bersamanya.

"Aiman Ikhwan yang banyak membantu menguruskan ibunya khususnya selepas pembedahan kedua pada 21 Disember lepas. Saya bekerja kilang dan akan turut sama membantu menjaga kakak bersama adik-beradik yang lain secara bergilir," katanya.

Nasib yang menimpa keluarga ini mendapat perhatian ramai apabila kisah Aiman Ikhwan menguruskan ibunya yang terlantar termasuk mengelap badan, menukar lampin pakai buang serta memastikan ibunya minum susu formula khas tujuh kali sehari tular di media sosial, baru-baru ini.



Bomba hantar 3,937 kg bekalan makanan kepada mangsa banjir di Tatau

Suara Sarawak SARAWAK 23 Januari 2024



Barangan makanan kering dipunggah oleh anggota bomba dan pegawai JKM untuk dihantar ke Nanga Tau, Sungai Anap Tatau.

TATAU: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak membantu meringankan kesulitan dihadapi penduduk Nanga Tau, Sungai Anap, yang terkandas dengan menghantar 231 pek bekalan makanan kering, semalam.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata, pek makanan seberat 3,937.2 kg itu dihantar menggunakan helikopter bomba Mi-171 (M994-04) kepada 14 rumah panjang yang terputus hubungan akibat bencana banjir.

Katanya, operasi yang diketuai Unit Udara Bomba, Juruterbang Sofian Ahmed @ Ibrahim dan Pembantu Juruterbang Robert James memulakan misi pada jam 11.38 pagi dan selesai pada jam 1.19 petang.


"Penghantaran membabitkan penduduk di 31 pintu Rumah Dilang, 14 pintu Rumah Medan, lapan pintu Rumah Lois, 13 pintu Rumah Satan dan 33 pintu Rumah Saran.

"Di samping kepada 23 pintu penduduk Rumah Salleh, 13 pintu Rumah Baja, 13 pintu Rumah Suang, 13 pintu Rumah Jan, 14 pintu Rumah Gelukau, 33 pintu Rumah Kelisop, 21 pintu Rumah Wan, 10 pintu Rumah Rini dan enam pintu Rumah Ajai.

"Selain itu, staf di SK Nanga Tau, Sungai Anap dan Klinik Kesihatan Nanga Tau yang terjejas turut menerima bantuan tersebut," katanya dalam satu kenyataan.

Khidmat khas kemanusiaan turut disertai Jurutera Penerbangan Mazlan Kamin, Kuatermaster Udara Buda Mandi dan Timothy Atilus, tiga anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Tatau diketuai Jankey Jikat, dua anggota dari JPBM Zon 5 Bintulu serta 10 Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.





Penganggur Pakistan mengaku bersalah rogol wanita atas jejantas

Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my



MUHAMMAD Waqas (dua kiri) dan Muhamad Mudasar (dua kanan) di Mahkamah Petaling Jaya. FOTO Suraya Roslan

Petaling Jaya: Penganggur warga Pakistan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan merogol dan merompak seorang wanita di jejantas di Serdang, dua minggu lalu.

Tertuduh, Muhamad Mudasar, 23, membuat pengakuan itu selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan dalam bahasa Urdu di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol seorang wanita tempatan, 29, dengan mengacukan pisau menyebabkan mangsa dalam ketakutan, kematian atau kecederaan.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(2)(b) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan juga sebatan.

Selain itu, Muhammad Mudasar didakwa merompak telefon pintar dan wang tunai RM80 milik mangsa menggunakan sebilah pisau sebagai senjata ketika melakukan kesalahan itu dan didakwa mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 14 tahun dan denda atau sebatan.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di jejantas stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) Serdang, 12.45 tengah malam, 14 Januari lalu.

Muhammad Mudasar turut didakwa bersama-sama rakan senegarannya, Muhammad Waqas, 29, atas pertuduhan melakukan rompakan berkumpul terhadap wanita berusia 20 tahun dengan merompak dua telefon bimbit menggunakan pisau pada 11.15 malam, 30 Disember tahun lalu di tempat yang sama.

Bagi pertuduhan itu, Muhamad Mudasar mengaku bersalah, manakala Muhammad Waqas yang menangis selepas pertuduhan dibacakan mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan.

Timbalan Pendakwa Raya Anis Hakimah Ibrahim memohon supaya mahkamah menetapkan satu tarikh singkat bagi menjatuhkan hukuman ke atas Muhamad Mudasar selain tidak mencadangkan sebarang jaminan ke atas kedua-dua tertuduh.


Syahliza kemudian bersetuju dengan permohonan itu dan menetapkan 26 Februari ini bagi fakta kes dan hukuman ke atas tertuduh.

Bagi sebutan semula kes bagi Muhammad Waqas ditetapkan pada tarikh sama di hadapan Hakim Noor Ruzilawati Mohd Nor untuk serahan dokumen.

Mahkamah turut tidak membenarkan sebarang jaminan ke atas kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili oleh mana-mana peguam.

Sebelum ini media pada 17 Januari lalu melaporkan pihak polis menahan kedua-dua lelaki itu di kawasan kaki lima kondominium Taman Serdang Perdana, Seri Kembangan sekitar jam 8.30 malam pada 14 Februari lalu.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner AA Anbalagan berkata, dalam kejadian 12.40 tengah malam itu, mangsa yang baharu seminggu bekerja sebagai promoter sambilan di pusat beli-belah di Putrajaya dalam perjalanan pulang ke rumah di Sungai Besi.



Kenyitan mata antara gangguan seksual dalam kalangan peguam

Majlis Peguam dalam pekelilingnya memberi contoh gangguan seksual, termasuk mengenyit mata dan isyarat tangan tidak senonoh, walaupun secara bergurau.

K. Parkaran - 23 Jan 2024, 8:30am

71
Shares

f Share

X Tweet

Share

Email



Perbuatan tidak sesuai yang disenaraikan dalam pekeliling Majlis Peguam termasuk gerak isyarat tidak senonoh dan sentuhan fizikal membuatkan seseorang tidak selesa. (Gambar Freepik)

PETALING JAYA: Mengenyit mata, siulan serigala, bahkan membelai kepala seseorang antara bentuk gangguan seksual disenaraikan dalam pekeliling dikeluarkan Majlis Peguam minggu lalu.

Perbuatan sedemikian, termasuk komen tidak sesuai terhadap penampilan seseorang – menghina atau sebaliknya – antara contoh disenaraikan dalam pekeliling itu bagi mengekang gangguan seksual dalam kalangan peguam.

Gerak isyarat tidak senonoh atau sentuhan fizikal yang membuatkan seseorang tidak selesa, walaupun dilakukan secara bergurau, turut dianggap tidak sesuai.


Tanpa memberi sebarang sebab atas pengeluaran pekeliling itu, difahamkan ia didorong beberapa kes baru-baru ini.

Majlis Peguam berkata, mengugut atau menakut-nakutkan rakan sekerja kerana menolak permintaan tidak sesuai juga dianggap paksaan seksual.

“Ini termasuk ugutan jelas atau tersirat terhadap akibat negatif, seperti hilang pekerjaan, turun pangkat atau merosakkan reputasi profesional seseorang, jika mereka menolak permintaan tidak sesuai,” menurut pekeliling itu.

Majlis Peguam menasihatkan mangsa membuat aduan berhubung insiden sedemikian melalui “Peer Support Network” yang dilancarkannya dua tahun lalu dan ia menjamin kerahsiaan pengadu.

Wakil Selangor dalam Majlis Peguam, V Kokila Vaani berkata, ada beberapa aduan gangguan seksual dalam profesion undang-undang sejak kebelakangan ini, tetapi kebanyakan mangsa terpaksa membuat laporan polis dan memulakan saman sivil untuk menyelesaikannya.




V Kokila Vaani

“Pada pandangan saya, walaupun satu kes dalam profesion undang-undang dianggap terlalu banyak kerana tugas peguam untuk melindungi rakyat, bukannya mengganggu mereka.

“Jadi, lebih baik Majlis Peguam memperincikan perbuatan dianggap gangguan seksual dan pekeliling peringatan yang dikeluarkan baru-baru ini tepat pada masanya,” kata bekas ketua Majlis Peguam Selangor itu ketika dihubungi FMT.

Dua tahun lalu, Majlis Peguam meluluskan klausa dalam peraturannya yang menyatakan gangguan seksual ialah salah laku di bawah Seksyen 94(3) Akta Profesion Undang-undang.

Ia menyatakan sebarang tindakan gangguan seksual oleh peguam bela dan peguam cara atau pelatih atas kapasiti profesional atau dalam keadaan profesional merupakan salah laku.



Pak Tam dituduh cabul budak

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Tertuduh dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku tidak bersalah cabul dua sepupunya. FOTO Alias Abd Rani

Batu Pahat: Pekerja pemasangan penghawa dingin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, tadi, atas tuduhan mencabul kehormatan kanak-kanak yang juga dua pupunya, tahun lalu.

Tertuduh berusia 27 tahun membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Irwan Suainbon.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu di rumah mangsa di Tongkang Pechah, Batu Pahat, pada jam 3 pagi, Februari tahun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Hukuman bagi kesalahan itu adalah penjara sehingga 20 tahun dan tertuduh juga boleh dikenakan sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Nur Sulehan Abd Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Selepas mendengar pengakuan tidak bersalah, pihak pendakwaan menawarkan jaminan sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin.


Bagaimanapun, selepas mengambil kira hujahan dan rayuan tertuduh, mahkamah memutuskan tertuduh dikenakan ikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah juga menetapkan syarat tertuduh perlu melapor diri di balai polis berdekatan serta tidak boleh mengganggu atau berhubung dengan mangsa serta keluarganya sepanjang kes ini.

Kes disebut semula pada 26 Februari ini untuk serahan dokumen serta lantikan peguam tertuduh.

Kejadian berlaku ketika tertuduh yang dipanggil 'Pak Tam' sebelum ini bekerja di ladang sawit, menumpang rumah mangsa atas dasar hubungan kekeluargaan.

Bagaimanapun, kesempatan itu diambil tertuduh untuk melakukan perbuatan keji sebelum mangsa menceritakan kepada ahli keluarganya bahawa Pak Tam ada melakukan sesuatu terhadapnya.



Bapa amang seksual anak kandung dipenjara dan disebat

© 2024-01-23T16:12:22+08:00



MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan empat sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini setelah mengaku bersalah atas dua tuduhan melakukan amang seksual ke atas anak kandungnya yang berusia tujuh tahun.

Selain itu, tertuduh juga diperintahkan supaya menjalani kaunseling pemulihan semasa menjalani hukuman seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTK) 2017 dan diletakkan di bawah pengawasan pihak polis selama tempoh dua tahun setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Azreena Aziz setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukannya serta mengambil kira kepentingan awam.

Tertuduh, 37, dari Baram, telah didakwa atas dua tuduhan di bawah Seksyen 14 (a) AKSTK 2017 yang dibacakan bersama Seksyen 16 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun serta sebat dan sebagai tambahan kepada hukuman itu, tertuduh juga boleh dipenjara tidak melebihi lima tahun dan sebat tidak kurang dari dua kali.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah melakukan serangan seksual secara fizikal ke atas seorang kanak-kanak perempuan berusia 7 tahun 5 bulan (semasa kejadian) yang merupakan anak kandungnya dengan menyentuh mangsa untuk tujuan seks.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7 pagi, sekitar Mac 2022 di sebuah kebun di kawasan Baram.

Selain itu, tertuduh sekali lagi telah mengulangi perbuatan terkutuknya terhadap mangsa pada jam 8 malam, sekitar Mac 2022 di sebuah bilik rumah panjang di kawasan Baram.

Bagi kesalahan pertama dan kedua, tertuduh masing-masing dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan dua sebatan.

Mahkamah kemudian memerintahkan kedua-dua hukuman itu berjalan serentak mulai tarikh jatuh hukuman hari ini.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.



TAJUK : HAKIM MAHKAMAH SESYEN KLANG TERAJUI TRIBUNAL ANTI GANGGUAN SEKSUAL

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 15

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Nancy (dua dari kanan) bersama murid Sekolah Kebangsaan Tanjung Bako pada program Back to School di Dewan Serbaguna Kampung Tanjung Bako, Kuching, semalam. (Foto BERNAMA)

Hakim Mahkamah Sesyen Klang terajui Tribunal Anti Gangguan Seksual

Kuching: Hakim Mahkamah Sesyen Klang, Syafeera Mohd Said dilantik menerajui Tribunal Anti Gangguan Seksual yang diwujudkan bagi menambah baik sistem perundangan dan mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat serta mudah dengan kos minimum.

Syafeera yang memegang jawatan presiden, dibantu dua pegawai kanan Jabatan Peguam Negara iaitu Mohd Nasruddin Mohamad selaku timbalan manakala Nurul Elida Baharudin sebagai setiausaha.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata mereka sudah memulakan tugas di tribunal berkenaan sejak penghujung bulan lalu.

Menurutnya, 10 lagi ahli panel tribunal itu juga sudah dilantik, manakala 20 perjawatan kakitangan tribunal sudah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dibarisi ahli berpengalaman

Katanya, tribunal itu dibarisi ahli berpengalaman luas dalam hal berkaitan bagi menjamin kecekapan pengendalian kes gangguan seksual.

"Sekarang kita sudah mempunyai 13 ahli tribunal, iaitu presiden, timbalan dan setiausaha, manakala 10 ahli panel yang terdiri daripada lima ahli mempunyai latar belakang undang-undang.

"Lima lagi berpengalaman dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan dua daripada ahli

panel itu mewakili Sabah dan Sarawak.

"Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) diperuntukkan 20 kakitangan tribunal oleh JPA dengan 15 daripada sudah diisi manakala lima lagi dalam proses pemilihan," katanya pada Program Back To School 2024 di Dewan Serbaguna Kampung Tanjung Bako, di sini, semalam.


Program anjuran Pusat Khidmat Parlimen Santubong dengan kerjasama Yayasan Sime Darby, Rotary Club dan Yayasan Kebajikan Negara itu diadakan di 21 sekolah dalam kawasan Parlimen Santubong.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, ketika ini tribunal berkenaan masih menumpang di pejabat KPWK di Putrajaya sementara menunggu bangunan untuk mereka selesai proses pengubahsuaian.

Mengenai pelantikan dua ahli mewakili Sabah dan Sarawak, katanya, ia bagi memudahkan pendengaran kes dijalankan tanpa perlu membawanya ke Putrajaya.

"Walaupun pejabat belum ada di Sarawak dan Sabah, ahli panel boleh menggunakan pejabat di mahkamah atau pejabat Jabatan Peguam untuk mereka mendengar kes," katanya.

Mengenai program berkenaan, Nancy berkata, ia antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran murid untuk bertindak segera jika berlaku sesuatu terhadap mereka termasuk gangguan seksual.



TAJUK : 'PAK TAM' TAK MENGAKU CABUL

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Pak Tam' tak mengaku cabul

Batu Pahat: Pekerja pemasangan pendingin hawa mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan mencabul kehormatan kanak-kanak yang juga dua pupunya, tahun lalu.

Tertuduh berusia 27 tahun membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Irwan Suainbon.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu di rumah mangsa di Tongkang Pechah, Batu Pahat, pada jam 3 pagi, Februari tahun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Hukuman bagi kesalahan itu adalah penjara sehingga 20 tahun dan tertuduh juga boleh dikenakan sebatan.

Pendakwaan dilakukan

Timbalan Pendakwa Raya Nur Sulehan Abd Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam.


Selepas mendengar pengakuan tidak bersalah, pihak pendakwaan menawarkan jaminan sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin.

Bagaimanapun, selepas mengambil kira hujahan dan rayuan tertuduh, mahkamah memutuskan tertuduh dikenakan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah juga menetapkan syarat tertuduh perlu melapor diri di balai polis berdekatan serta tidak boleh mengganggu atau berhubung dengan mangsa serta keluarganya sepanjang kes ini.

Kes disebut semula pada 26 Februari ini untuk serahan dokumen serta lantikan peguam tertuduh.

Kejadian berlaku ketika tertuduh yang dipanggil 'Pak Tam' sebelum ini bekerja di ladang sawit, menumpang rumah mangsa atas dasar hubungan kekeluargaan.



TAJUK : 'TERHARU WAKIL PM DATANG ZIARAH'

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Terharu wakil PM datang ziarah'

Gurun: Nasib lima sekeuarga yang tular di media sosial, baru-baru ini selepas ibu bapa yang menjadi tulang belakang keluarga diuji masalah kesihatan, mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiasaha Politiknya Kamil Munim berkata, ketua keluarga terbabit Arman Othman, 49, menghidap penyakit angin ahmar manakala isteri, Mazliana Jamaluddin, 39, diuji ketumbuhan di kepala dan kini terlantar.

"Dalam sesi lawatan kerja saya ke Kedah, selain dua keluarga lain, saya

menziarahi keluarga Mazliana dan menyampaikan sumbangan daripada Perdana Menteri melalui ICU (Pejabat Pembangunan Persekutuan) peringkat negeri.

"Saya dimaklumkan beliau menerima bantuan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bagaimanapun, kami lihat bentuk bantuan lain yang boleh disalurkan," katanya selepas Program Ziarah Madani di rumah keluarga berkenaan di Taman Ria Mesra II dekat sini, petang kelmarin.

Hadir sama, Ahli Parlimen Sungai Petani Dr Mohammed Taufik Johari.

Katanya, kehidupan pasangan itu sukar kerana anak sulung mereka daripada tiga beradik adalah orang kurang upaya (OKU) namun pemimpin dan masyarakat setempat sentiasa memberi perhatian terhadap keluarga itu.

Dalam pada itu, Mohammed Taufik berkata, pejabat Parlimen Sungai Petani bekerjasama dengan agensi berkaitan khususnya ICU bagi memantau keluarga terbabit.

Sementara itu, pasangan terbabit menzahir-

kan rasa syukur dan berterima kasih atas sumbangan serta bantuan Perdana Menteri dan semua pihak.

Arman berkata, dia terkejut apabila dimaklumkan wakil Perdana Menteri berhasrat menziarahi mereka sekeluarga dan menyampaikan sumbangan.

"Saya terharu, gembira dan berterima kasih atas keprihatinan dan sumbangan diberikan," katanya. Mazliana kini tinggal di rumah adik bongsu, Norlela, 30, yang terletak berhampiran bagi memudahkan ahli keluarga lain menguruskannya.



KAMIL bertemu Mazliana ketika mengadakan lawatan pada Program Ziarah Madani di Taman Ria Mesra II.

Norlela berkata, abang iparnya masih tinggal di rumah sendiri bersama anak sulung, Aiman Irfan,

20, manakala Mazliana serta dua lagi anak, Aiman Ikhwan, 15, dan Aina Najwa, 10, tinggal bersamanya.



TAJUK : LELAKI MENGAKU ROGOL, ROMPAK

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki mengaku rogol, rompak

Petaling Jaya: Seorang penganggur warga Pakistan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tuduhan merogol dan merompak wanita di Serdang, dekat sini, dua minggu lalu.

Tertuduh, Muhamad Mudasar, 23, membuat pengakuan itu selepas kedua-dua pertuduhan diba-


cakan dalam bahasa Urdu di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol seorang wanita tempatan berusia 29 tahun dengan mengacukan sebilah pisau.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(2)(b) Kanun Keseksan yang

memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan juga sebatan.

Selain itu, Muhammad Mudasar didakwa merompak telefon Iphone SE dan wang tunai RM80 milik mangsa menggunakan sebilah pisau sebagai senjata ketika melakukan kesalahan terbabit.



TAJUK :	PAKISTANI MAN PLEADS GUILTY TO RAPE AND ROBBERY		
HARI :	RABU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	24 JAN 2024	M/SURAT :	08
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

NEAR KTMB SERDANG STATION

Pakistani man pleads guilty to rape and robbery

PETALING JAYA: An unemployed Pakistani national pleaded guilty in the Sessions Court here yesterday to charges of raping and robbing a woman on a pedestrian bridge in Serdang two weeks ago. Muhammad Mudasar, 23, pleaded guilty after both charges were read in Urdu before Judge Dr Syahliza Warnoh.

Mudasar was accused of raping a local woman, 29, by brandishing a knife, causing the victim to fear death or injury.

He now faces a maximum penalty of 20 years in prison and whipping.

Mudasar was also charged with robbing the victim of her mobile phone and RM80, also using a knife as a weapon during the

commission of the offence, and faces a maximum 14 years in prison and a fine or caning.

Both offences were allegedly committed on the pedestrian bridge at the Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad Serdang station at 12.45am on Jan 14.

Mudasar was also charged alongside his compatriot, Muhammad Waqas, 29, with collectively committing a robbery against a 20-year-old woman by robbing two mobile phones from the victim using a knife at 11.15pm on Dec 30 at the same location.

For this charge, Mudasar also pleaded guilty while Waqas, who broke down in tears after the charge was read, pleaded not



Muhammad Mudasar (third from left) faces a maximum penalty of 20 years in prison and whipping after admitting to raping a woman on Jan 14. His compatriot, Muhammad Waqas (second from left), claimed trial for robbing two mobile phones from a woman on Dec 30. PIC BY SURAYA ROSLAN

guilty and claimed trial.

Deputy public prosecutor Anis Hakimah Ibrahim requested the court to set a brief date for sentencing Mudasar and did not propose any bail for both accused.

Syahliza later agreed to the request and set Feb 26 for the case facts and sentencing.

The re-mention of Waqas' case


was scheduled for the same date before Judge Noor Ruzilawati Mohd Nor.

The court also did not allow any bail for both accused, who were not represented.

Earlier on Jan 17, it was reported that the police had arrested both men in the vicinity of the Taman Serdang Perdana condo-

minium in Seri Kembangan, around 8.30pm.

Serdang police chief Assistant Commissioner A.A. Anbalagan said in the 12.40am incident, the victim, who had been working as a part-time promoter at a shopping centre in Putrajaya for just one week, was on her way home in Sungai Besi.



TAJUK : 'SPREADING AWARENESS OF SEXUAL HARASSMENT AMONG STUDENTS THROUGH TALKS'

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Spreading awareness of sexual harassment among students through talks'



Nancy speaking to the reporters after officiating at a 'Back to School' programme in Kampung Tanjong Bako. — Photo by Roystein Emmor

Sam Chua

KUCHING: Talks related to sexual harassment are being held in schools to spread awareness among students of inappropriate behaviours, said federal Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said she was aware of several sexual harassment cases involving student victims happening in Sarawak and she believed many more such cases had gone unreported.

"In reality, the perpetrators in many of these sexual harassment cases are members

of the student's own family and the victims did not know how to seek help," she said to reporters after officiating at a 'Back to School' programme held at a community hall in Kampung Tanjong Bako here yesterday.

Bearing this in mind, the Santubong MP said her ministry in collaboration with several organisations had been conducting talks on sexual harassment, in 21 schools across her constituency.

Commenting on the recent setting up of a tribunal for anti-sexual harassment, Nancy said the body had been operational since the end of last year, with the tribunal temporarily

conducting its proceedings at the ministry's office in Putrajaya, as the main building was under renovation.

"I must say the tribunal offers an alternative for victims of sexual harassment to seek compensation for the ordeal that they experienced.


"Before this, such cases were handled as criminal cases under the Sexual Offences Act," she said, pointing out sexual harassment would now be treated as a civil case before the tribunal.

In this regard, she added that the relevant officers were currently undergoing training and up-skilling to manage sexual

harassment cases.

Nancy also said she had personally requested for one panellist each to be appointed from Sabah and Sarawak when conducting proceedings to ease the management of cases involving the interests of the Borneo states.

On a separate matter, Nancy said she was working with Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof on the return of a Sarawakian and her two children from the Philippines, where the mother's passport was withheld by the immigration authority after she failed to pay the penalty for overstaying in the country.



TAJUK : BARAM MAN GETS 24-YEAR JAIL, CANING FOR SEXUALLY ASSAULTING DAUGHTER

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Baram man gets 24-year jail, caning for sexually assaulting daughter

MIRI: The Sessions Court here yesterday sentenced a man to a total of 24 years in jail and four strokes of the cane after he pleaded guilty to two charges of sexually assaulting his underage daughter.

Judge Azreena Aziz sentenced the 37-year-old man from Baram to 12 years in jail and two strokes of the cane for each of the charges, and ordered for the punishments to run concurrently effective yesterday.

The man would therefore face 12 years behind bars and four strokes of the cane.

Azreena also ordered for the man to undergo counselling while in jail and to be placed under police supervision for two years upon completion of his jail term.

Azreena meted out the sentence against the man after examining several aspects, including his guilty plea and appeal, the facts


of the case, the seriousness of the offence committed and taking into account the public interest.

The man was charged under Section 14 (a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 (Act 792), punishable under the same section of the same Act, and read together with Section 16(1) of the same Act, which carries a jail term of up to 20 years and whipping.

Based on the facts of the case, the man had sexually assaulted his then-seven-year-old daughter by touching her breast, at a farm in Baram at around 7am in March 2022.

He committed the offence again by rubbing his penis on her buttocks, inside a room of a longhouse in Baram at around 8pm in the same month.

Deputy public prosecutor Muhamad Ali Hussain prosecuted the case, while the man was unrepresented by counsel.



TAJUK : TOUCHED BY THEIR PLIGHT, PM PROVIDES AID TO STRUGGLING FAMILY

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Touched by their plight, PM provides aid to struggling family

GURUN: A video clip of a 15-year-old boy giving his bedridden mother sponge baths, changing her diapers and spoon-feeding her seven times a day has touched the hearts of community leaders and now, the Prime Minister.

Datuk Seri Anwar Ibrahim was the latest to step in and provide cash aid to the boy's family here, who are facing severe hardship as both his parents and the eldest sibling are invalids.

Anwar, who is also the Finance Minister, organised a cash donation that was presented to the family through the Implementation Coordination Unit (ICU).

His political secretary, Kamil Munim, said the head of the family, Arman Othman, 49, suffered a

stroke while his wife, Mazliana Jamaluddin, 39, has been bedridden due to a brain tumour.

Compounding their hardship is the fact that the eldest child has been disabled since birth.

"During my working visit to Kedah today I visited Mazliana's family and two other families to deliver donations from the Prime Minister," Kamil said according to Bernama.

"I was informed that she is receiving assistance from the Social Security Organisation (Perkeso) and the Social Welfare Department as well.

"We will also look into other forms of assistance to help this family," he told reporters after the Ziarah Madani programme at the

family's home in Taman Ria Mesra II near here, yesterday.

Also present was Sungai Petani Member of Parliament, Dr Mohammed Taufik Johari.

Leaders and the surrounding community have been coming together to regularly help the family cope, Kamil added.

"Today we presented a cash donation. This is part of the government's initiative to help the people and we are implementing it without specific allocations," he said, adding that at the moment, the family urgently needs a hospital bed.

Mohammed Taufik said the Sungai Petani parliamentary service centre will work with the relevant agencies, especially the

ICU, to monitor the family's situation.

"Their children are still schooling and they require assistance as well.

"They also need help with daily necessities, disposable diapers, special milk formula and other things. So, I will monitor their needs every month," he said.

The couple expressed their deepest gratitude to the Prime Minister and all who have come forward to help them.

"I feel moved, happy and grateful for their care, concern and assistance," Arman, the father, said.

Mazliana lives with her youngest sister, Norlela Jamaluddin, 30, to make it easier for other


extended family members to help out.

Arman lives with their eldest son, Aiman Irfan, 20, while their two other children, Aiman Ikhwan, 15, and Aina Najwa, 10, live with Norlela.

"Aiman Ikhwan's the main caregiver for his mother, especially after the second operation on Dec 21 last year.

"I work in a factory and take turns with our other siblings to care for her," she said.

A recent clip on social media showed Aiman Ikhwan taking care of his bedridden mother, giving sponge baths, changing disposable diapers and feeding her the special formula milk she needs seven times a day.



TAJUK :	ELDERLY CARE FACILITY WITH A DIFFERENCE		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE SUN DAILY
TARIKH :	24 JAN 2024	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Elderly care facility with a difference

○ In addition to fitness events, Kampungku centre prioritises activities that foster racial unity

KUALA LUMPUR: Come 2050, Malaysia will be an ageing nation, with 15% of its population above the age of 65, creating new challenges in elderly care.

As such, care centres for seniors which provide services that support active and healthy ageing would augur well for the country.

One such centre is Kampungku, which embraces the concept of healthy and active ageing. Driven by her aspiration to see senior citizens lead a healthy life, Gan Pooi Chan decided to set up a special recreational centre.

“Before opening Kampungku in August last year, I worked for five years at Homage Home Care, which provides elderly care. As such, I am used to interacting with this group.”

Gan said Kampungku provides various mentally and physically stimulating social activities for the elderly while helping to improve their emotional wellness.

Her centres are located at three locations, namely in Bangsar (Kuala Lumpur) and two in Selangor (Bandar Pinggiran Subang and Klang), Bernama reported

Among the popular activities conducted at the centres are Aqua Zumba, a fitness programme that incorporates dance moves in a swimming pool conducted by an experienced instructor.

The activity has proven to enhance fitness among the elderly, who previously could not walk for five to 10 minutes in the house but can now do Aqua Zumba for an hour.

Other activities include painting on canvas and flower arrangement to improve their ability to focus and cultivate creativity.

At present, there are 50 certified and experienced trainers who conduct activities and provide elderly care at Kampungku.

Gan said differences in race and religion are no obstacle for the centre

to provide the best service.

Most of the individuals who require care from the centre suffer from illnesses such as cancer, stroke and Parkinson’s disease.

“I believe we can prevent such diseases if we are disciplined, have a balanced diet and exercises regularly as well as staying socially connected.”

“There are some who are sent by their children before going to work and would pick them up after work. We also fetch them from their house.”

The centre, which opens daily from 8.30am, offers various activities for as low as RM50 per activity and is open to all senior citizens.

Gan said Kampungku is poised to have its own complex at Section 12 in Petaling Jaya, which is expected to be ready this year, adding that Kampungku continuously plans various activities to strengthen ties among all races, including events involving festivals celebrated by the various communities.

“For example, since Muslims will be observing Ramadan and celebrating Hari Raya Aidilfitri soon, we plan to organise activities such as *buka puasa* and *ketupat* making events.



TAJUK : BAPA AMANG SEKSUAL ANAK KANDUNG DIPENJARA DAN DISEBAT

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bapa amang seksual anak kandung dipenjara dan disebat

MIRI: Seorang lelaki di-jatuhi hukuman penjara 12 tahun dan empat sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas dua tuduhan melakukan amang seksual ke atas anak kandungnya yang berusia tujuh tahun.

Selain itu, tertuduh juga diperintahkan supaya menjalani kaunseling pemulihan semasa menjalani hukuman seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTK) 2017 dan diletakkan di bawah pengawasan pihak polis selama

tempoh dua tahun setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Azreena Aziz setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukannya serta mengambil kira kepentingan awam.

Tertuduh, 37, dari Baram, telah didakwa atas dua tuduhan di bawah Seksyen 14 (a) AKSTK 2017 yang dibacakan bersama Seksyen 16 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak me-

lebih 20 tahun serta sebat dan sebagai tambahan kepada hukuman itu, tertuduh juga boleh dipenjara tidak melebihi lima tahun dan sebat tidak kurang dari dua kali.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah melakukan serangan seksual secara fizikal ke atas seorang kanak-kanak perempuan berusia 7 tahun 5 bulan (semasa kejadian) yang merupakan anak kandungnya dengan menyentuh mangsa untuk tujuan seks.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7 pagi, sekitar Mac 2022 di sebuah kebun di kawasan Baram.


Selain itu, tertuduh sekali

lagi telah mengulangi perbuatan terukutuknya terhadap mangsa pada jam 8 malam, sekitar Mac 2022 di sebuah bilik rumah panjang di kawasan Baram.

Bagi kesalahan pertama dan kedua, tertuduh masing-masing dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan dua sebatan.

Mahkamah kemudian memerintahkan kedua-dua hukuman itu berjalan serentak mulai tarikh jatuh hukuman semalam.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.



TAJUK :	LELAKI DIPENJARA ENAM TAHUN, 10 SEBATAN KERANA DATANGKAN KECEDEeraan PARAH TERHADAP ISTERI		
HARI :	RABU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	24 JAN 2024	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Lelaki dipenjara enam tahun, 10 sebatan kerana datangkan kecederaan parah terhadap isteri

SIBU: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara enam tahun berserta 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan mendatangkan kecederaan parah terhadap isterinya, 10 Januari lalu.

Hakim Marutin Pagan menjatuhkan hukuman itu setelah mendengar pengakuan bersalah serta rayuan tertuduh yang dikenali sebagai Chien Kwong Hing, 44.

Mengikut pertuduhan, Chien didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan parah terhadap isterinya berusia 42 tahun dengan menggunakan papan kayu serta gunting sebagai senjata, yang boleh mendatangkan kematian kepada mangsa.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Lorong Satria Timur 23 pada 10 Januari 2024, kira-kira jam 6.30 petang.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan

mengikut Seksyen 326 yang dibaca bersama Seksyen 326A Kanun Keseksaan.

Fakta kes menyatakan pada hari kejadian, pihak polis telah menerima panggilan daripada orang awam mengatakan ada pergaduhan melibatkan sepasang suami isteri.

Setibanya di tempat kejadian, pihak polis mendapati pintu pagar dan pintu utama rumah berkunci dari dalam, dengan tertuduh dan mangsa berada di dalam rumah.

Pihak polis memujuk tertuduh untuk membuka pintu utama rumah namun tidak diendahkan. Pada masa sama, mangsa kedengaran menjerit dalam kesakitan sementara tertuduh bertindak memarahi mangsa.

Setelah lebih sejam memujuk tertuduh, pihak polis terpaksa meminta bantuan pihak bomba untuk membuka pintu pagar rumah.

Apabila pihak polis memasuki tempat parkir rumah


tersebut, tiba-tiba pintu rumah dibuka dan tertuduh dilihat menarik rambut isterinya, selain memegang gunting pada tangan kanan.

Pihak polis dan bomba terus memujuk tertuduh untuk melepaskan mangsa sebelum berjaya menahannya dengan menggunakan kekerasan yang minimum.

Turut dirampas ialah satu gunting dari tangan kanan tertuduh.

Siasatan kemudian mendapati tertuduh dan mangsa telah berkahwin sejak 11 tahun lepas dan mempunyai seorang anak. Sebelum kejadian, tertuduh telah bertindak memanjat pagar rumah mangsa dan masuk melalui tingkap rumah.

Tertuduh kemudian bertindak mendatangkan kecederaan terhadap isterinya dengan menggunakan papan kayu dan gunting, menyebabkan mangsa mengalami kecederaan parah di beberapa bahagian badan.



TAJUK : TIGA ANGGOTA PANEL SUDAH DILANTIK

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tiga anggota panel sudah dilantik

Oleh Marinda Marzuki

KOTA SAMARAHAN: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri memaklumkan tiga anggota panel Tribunal Antigangguan Seksual sudah dilantik dan telah memulakan tugas sejak Disember tahun lalu.

Beliau berkata, mereka yang sudah dilantik itu memegang jawatan sebagai Presiden, Timbalan Presiden dan Setiausaha.

Menurutnya, Hakim Mahkamah Sesyen Klang Syafeera Mohd Said dilantik sebagai Presiden Tribunal Antigangguan Seksual, manakala dua pegawai kanan Jabatan Peguam Negara iaitu Mohd Nasruddin Mohamad dan Nurul Elida Baharudin masing-masing memegang jawatan Timbalan Presiden dan Setiausaha tribunal itu.

"Semua yang dilantik itu sudah memulakan tugas di tribunal berkenaan sejak penghujung Disember lalu.

"Mereka ini adalah orang yang berpengalaman serta cekap dalam mengendalikan kes gangguan seksual," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Program Back to School Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjong Bako di Dewan Serba Guna Kampung Tanjong Bako di sini, semalam.

Nancy menambah, seramai 10 lagi ahli panel tribunal itu juga sudah dilantik, manakala 20 perjawatan kakitangan tribunal sudah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Sekarang kita sudah mempunyai 13 ahli tribunal iaitu Presiden, Timbalan Presiden dan Setiausaha.

"Manakala 10 ahli panel yang terdiri daripada lima ahli mempunyai latar



INTERAKSI: Nancy (dua kanan) beramah mesra dengan murid-murid pada Program Back to School SK Tanjong Bako di Dewan Serba Guna Kampung Tanjong Bako, semalam. — *Gambar Bernama*

● Hakim Syafeera Mohd Said dilantik Presiden, panel Tribunal Antigangguan Seksual sudah mulakan tugas sejak Disember: Nancy

belakang undang-undang dan lima lagi berpengalaman dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan dua daripada ahli panel itu mewakili Sabah dan Sarawak," jelasnya.

Nancy memberitahu, ketika

ini tribunal berkenaan masih menumpang di pejabat kementerian di Putrajaya, sementara menunggu bangunan untuk mereka yang masih dalam proses pengubahsuaian, siap. Mengenai pelantikan dua ahli

panel bagi mewakili Sabah dan Sarawak, Nancy berkata ia bagi memudahkan pendengaran kes dijalankan tanpa perlu membawanya ke Putrajaya.

▶ *Utusan Muzo 2*

Tiga anggota panel sudah dilantik

▶ *Dari Muka 1*


"Walaupun pejabat belum ada di Sarawak dan Sabah, ahli panel boleh menggunakan pejabat di mahkamah atau pejabat Jabatan Peguam untuk mereka mendengar kes," ujarnya.

Tribunal Antigangguan Seksual ditubuhkan susulan penguatkuasaan Akta Antigangguan Seksual 2022, iaitu akta yang memberi peruntukan bagi suatu hak tebus rugi kepada sesiapa yang diganggu secara seksual dan pada masa sama meningkatkan kesedaran demi

membanteras kesalahan berkenaan.

Sementara itu, mengenai program yang dianjurkan, Nancy berkata seramai 146 murid SK Tanjong Bako menerima bantuan barangan persekolahan menerusi program Kembali Ke Sekolah Parlimen Santubong.

Program itu katanya, merupakan anjuran kementerian dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Sime Darby, Kelab Rotary Kuching dan Yayasan Kebajikan Negara.



TAJUK : USAHA BAWA PULANG RAKYAT SARAWAK TERKANDAS DI MANNILA TERUS DIPERGIAT

HARI : RABU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 24 JAN 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Usaha bawa pulang rakyat Sarawak terkandas di Manila terus dipergiat

KOTA SAMARAHAN: Usaha membawa pulang rakyat Sarawak, Dewi Farisha Fazliman berserta dua anaknya yang dilaporkan terkandas di Manila, Filipina sejak Mei 2019 terus dipergiatkan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, kementeriannya telah bekerjasama rapat dengan Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan kebanyakan perkara telah disusun atur.

“Jadi yang sekarang ini cuma menunggu (penentuan) kos kerana kes ini melibatkan isu tinggal lebih masa.

“Sebab dia pergi ke sana dia tinggal lebih masa, maka kos penalti perlu dikira dan setakat hari ini, saya belum terima (jumlah kos) lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Program Back to School Sekolah Kebangsaan



REAKSI: Nancy ketika ditemui media selepas melancarkan Program Back to School SK Tanjong Bako di Dewan Serba Guna Kampung Tanjong Bako semalam. — Gambar Roystein Emmor

(SK) Tanjong Bako di Dewan Serba Guna Kampung Tanjong Bako di sini, semalam.

Nancy berkata, pegawai Jabatan Perdana Menteri sentiasa memberikan kerjasama dan maklumat terkini kepada beliau.

“Semua butiran telah dilakukan dengan banyak bantuan,” katanya.

Menurutnya, aspek undang-undang berkaitan kos tinggal lebih masa perlu diberi perhatian khusus untuk menyelesaikan isu tersebut.

“Kita perlu memastikan bagaimana untuk mengendalikannya kos overstay (isu tinggal lebih masa) ini mengikut undang-undang sedia ada.

“Ini adalah aspek yang perlu kita ambil tindakan bagi menyelesaikan hal ini dengan adil dan selaras dengan undang-undang,” ujarnya.

Sebelum ini media melaporkan sebuah pasukan telah dikerahkan bagi menjalankan siasatan berhubung isu tersebut.

Pada 16 Januari lalu, ibu mangsa Sheryl Balisia Cabrera mendakwa anaknya, Dewi Farisha, 25 tahun dan dua cucunya terkandas di Manila, Filipina sejak 2019.

Lebih merisaukan Sheryl Balisia, pasport anaknya juga akan tamat tempoh pada bulan depan selain terpaksa mengirimi wang setiap dua hari untuk menanggung kos hidup anak dan cucu-cucunya yang kini tinggal di negara itu.